NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

| **Bil.** | **Jawatan** | **Kelayakan** |
|---|---|---|
| 9. | Penolong Pentadbir<br>(Gred 14 – Jawatan Tetap)<br>(Institut Agro-Bioteknologi Malaysia – Serdang, Selangor) | Deskripsi Tugas:<br>1. Membantu merekod dan mengemaskini rekod KPI dan pangkalan data ABI;<br>2. Membantu dalam urusan Unit Komunikasi Korporat (UKK);<br>3. Membantu menguruskan urusan perolehan bagi pembayaran hotel, tiket penerbangan dan tuntutan perjalanan;<br>4. Menguruskan tuntutan bayaran panel penilai projek mengikut sesi;<br>5. Membantu menguruskan dokumen – dokumen berkaitan RMC bagi setiap mesyuarat;<br>6. Membantu menguruskan sistem fail dan rekod Bahagian Pengurusan Penyelidikan;<br>7. Menjalankan kerja-kerja kesetiausahaan dan menjaga hal ehwal Pengarah Penyelidikan ABI;<br>8. Membantu menjalankan tugas-tugas pengurusan surat-menyurat dan fail serta pengurusan mesyuarat;<br>9. Menguruskan urusan tempahan hotel, tiket kapal terbang dan semua dokumen berkaitan bagi pihak Pengarah Penyelidikan;<br>10. Menjaga kerahsiaan dokumen, rekod dan fail di pejabat Pengarah Penyelidikan;<br>11. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan semasa ke semasa.<br><br>Kelayakan dan Pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai Diploma dalam bidang Sains Kesetiausahaan / Pengurusan & Teknologi Pejabat / Kesetiausahaan Eksekutif atau yang berkaitan dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan<br>3. Memiliki pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang yang berkaitan. |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5687
Emel :recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan**: 7 Disember 2018**